

BAHAGIAN A Soalan Objektif

Jawab semua soalan.

6.1 Pengasasan Kesultanan
Johor Riau

- 1 Apakah gelaran yang telah digunakan oleh tokoh berikut selepas dilantik mengetuai Kesultanan Johor Riau?

BUKU TEKS m.s. 98

Raja Ali

- A Sultan Alauddin Riayat Shah
B Sultan Alauddin Riayat Shah I
C Sultan Alauddin Riayat Shah II
D Sultan Alauddin Riayat Shah III

- 2 Ciri-ciri berikut berkaitan dengan pemilihan lokasi pusat pemerintahan dan pentadbiran Kesultanan Johor Riau.

BUKU TEKS m.s. 98



Lokasi X ialah _____.

- A Kota Batu
B Johor Lama
C Tanjung Batu
D Kota Kara

- 3 Rajah berikut merujuk kepada tindakan yang dilakukan oleh Portugis terhadap Kesultanan Johor Riau.

BUKU TEKS m.s. 99

Tahun 1535

Menyerang dan memusnahkan lokasi X

Apakah lokasi X yang dimaksudkan?

- A Kota Kara
B Kota Seluyut
C Kota Sayong
D Kota Batu

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang dilakukan oleh Sultan Johor.

BUKU TEKS m.s. 99

Tahun	Peristiwa
1540	Pusat pemerintahan Kesultanan Johor Riau berpindah ke Kota Batu.

Mengapakah perpindahan tersebut dilakukan?

- A Mempunyai bekalan minuman dan makanan
B Mempunyai kawasan yang berbukit-bukau
C Memudahkan kedatangan kapal dagang
D Mempunyai banyak kota pertahanan

- 5 Apakah keistimewaan lokasi berikut sehingga dipilih sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran Kesultanan Johor Riau?

BUKU TEKS m.s. 99

Kota Sayong

- A Mempunyai sungai yang dalam
B Mempunyai sungai yang lebar
C Mempunyai sungai yang sempit
D Mempunyai benteng pertahanan

- 6 Kegemilangan Kesultanan Johor Riau diteruskan oleh Sultan berketurunan Bendahara Johor.

BUKU TEKS m.s. 99

Kegemilangan tersebut bermula pada tahun _____.

- A 1677
B 1688
C 1699
D 1700


- 7 Antara berikut, yang manakah tokoh Kesultanan Johor Riau yang telah diberikan gelaran berikut?

BUKU TEKS m.s. 101

Bendahara Padang Saujana

- A Tun Abdul Jalil
B Tun Abdul Jamil
C Tun Abdul Rahman
D Tun Habib Abdul Majid

- 8 Rajah berikut berkaitan dengan Perang Tiga Segi. (BUKU TEKS m.s. 100)



Mengapakah Acheh melancarkan serangan terhadap Portugis?

- A Portugis mahu menguasai perdagangan Johor
 B Johor mengadakan pakatan dengan Portugis
 C Membantu mengukuhkan pertahanan Johor
 D Mahu menguasai perdagangan Acheh
- 9 Lokasi berikut pernah dipilih sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran Kesultanan Johor Riau. (BUKU TEKS m.s. 101)


Lingga

Pemilihan lokasi tersebut berlaku semasa pemerintahan _____.

- A Sultan Abdullah Ma'ayat Shah
 B Sultan Sulaiman Badrul Alam
 C Sultan Abdul Jalil Riayat Shah
 D Sultan Mahmud Shah I
- 10 Apakah gelaran yang telah digunakan oleh Raja Kecil semasa mentadbir Kesultanan Johor Riau? (BUKU TEKS m.s. 101)
- A Sultan Mahmud Shah II
 B Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah
 C Sultan Alauddin Riayat Shah III
 D Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah

6.2 Kegemilangan Kesultanan Johor Riau

- 11 Rajah berikut berkaitan dengan kedatangan pedagang di pelabuhan Johor Riau. (BUKU TEKS m.s. 104)



Pedagang X ialah _____.

- A Pedagang Gujarat
 B Pedagang Bengal
 C Pedagang Jawa
 D Pedagang Turki
- 12 Apakah barang dagangan yang dibekalkan oleh pedagang Gujarat di pelabuhan Johor? (BUKU TEKS m.s. 105)
- A Kain
 B Garam
 C Kelembak
 D Lilin

- 13 Antara berikut, yang manakah barang dagangan yang dibekalkan oleh pedagang China di pelabuhan Johor Riau? (BUKU TEKS m.s. 105)
- I Tembaga
 II Kualiti besi
 III Wangian
 IV Manik
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

- 14 Rajah berikut berkaitan dengan kegiatan perdagangan di Johor. (BUKU TEKS m.s. 105)



Apakah pedagang X?

- A Jawa C Klang
 B Rupat D Pegu

- 15 Apakah keistimewaan barang dagangan berikut kepada masyarakat Alam Melayu? (BUKU TEKS m.s. 105)

Kelembak

- I Bahan makanan
 II Bahan perhiasan
 III Bahan perubatan
 IV Bahan wangian
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

- 16 Apakah barang dagangan yang dibawa oleh pedagang-pedagang berikut di pelabuhan Johor Riau? (BUKU TEKS m.s. 105)

- Pedagang Bernam
- Pedagang Klang

- A Bijih timah
 B Gading gajah
 C Lada hitam
 D Emas urai

- 17 Pedagang Pahang dan Sumatera timur turut menjalankan perdagangan di pelabuhan Johor Riau. Apakah persamaan barang dagangan yang dibawa oleh mereka? (BUKU TEKS m.s. 105)
- I Ikan masin
 II Bijih timah
 III Kualiti besi
 IV Pinang
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

- 18 Mata wang berikut telah diperkenalkan oleh Kesultanan Johor Riau. (BUKU TEKS m.s. 106)



Mata wang tersebut dikenal sebagai _____.

- A Calains C Katun
 B Kupang D Dolar

- 19 Apakah mata wang asing yang telah digunakan oleh pedagang-pedagang yang mengunjungi pelabuhan Johor Riau? (BUKU TEKS m.s. 106)

A Dolar Perancis
B Dolar Sepanyol
C Dolar Portugis
D Dolar British

- 20 Bilakah bermulanya penggunaan mata wang emas dalam sistem perdagangan Kesultanan Johor Riau? (BUKU TEKS m.s. 106)

A Semasa pemerintahan Sultan Alauddin I
B Semasa pemerintahan Sultan Alauddin II
C Semasa pemerintahan Sultan Alauddin III
D Semasa pemerintahan Sultan Alauddin IV

- 21 Apakah peranan Raja Indera Bongsu terhadap Kesultanan Johor Riau? (BUKU TEKS m.s. 106)

A Menaungi pedagang
B Membekalkan lada hitam
C Mengetuai tentera laut
D Mengutus jual beli

- 22 Antara berikut, siapakah yang bertanggungjawab menetapkan ukuran dan berat timbangan di pelabuhan Johor Riau? (BUKU TEKS m.s. 106)

A Bendahara
B Penghulu Bendahari
C Raja Indera Bongsu
D Syahbandar

- 23 Apakah kesan penggunaan peralatan 'Balok' terhadap masyarakat kerajaan Johor Riau? (BUKU TEKS m.s. 107)

A Memudahkan pertanian
B Memudahkan pengangkutan
C Mengelakkan kebakaran
D Menyimpan mata wang

- 24 Sistem berikut telah diperkenalkan oleh Kesultanan Johor Riau. (BUKU TEKS m.s. 106)

Sistem Naungan

Apakah kesan daripada pelaksanaan sistem tersebut terhadap pedagang?

- A Memudahkan pengeluaran surat kebenaran berniaga
B Menghalang gangguan tentera Jambi di Selat Melaka
C Dikecualikan daripada bayaran cukai perdagangan
D Dibenarkan berdagang secara bertukar barang

- 25 Karya berikut telah dihasilkan semasa kegemilangan Kesultanan Johor Riau. (BUKU TEKS m.s. 108)

Hikayat Melayu

Penyusunan karya tersebut telah dilakukan oleh

- A Bukhari al-Jauhari
B Tun Seri Lanang
C Tun Hisap Misai
D Raja Ahmad

- 26 Bilakah tarikh penulisan karya *Hikayat Hang Tuah* dilakukan? (BUKU TEKS m.s. 108)

- A Selepas kejatuhan Kesultanan Johor Riau
B Semasa permulaan pembentukan Melaka
C Semasa kegemilangan Kesultanan Melaka
D Selepas kejatuhan Kesultanan Melaka

- 27 Rajah berikut berkaitan dengan perkembangan karya kesusasteraan di negara kita. (BUKU TEKS m.s. 109)

Karya X

Mendapat pengiktirafan sebagai hasil kesusasteraan klasik dalam Daftar Ingatan Dunia

Pilih padanan jawapan yang betul.

	Karya	Pihak yang Mengiktiraf
A	<i>Hikayat Hang Tuah</i>	PBB
B	<i>Sulalatus Salatin</i>	UNESCO
C	<i>Salasilah Raja-Raja</i>	Komanwel
D	<i>Tuhfat al-Nafis</i>	ASEAN

- 28 Tokoh berikut amat turut terlibat dalam bidang persuratan. (BUKU TEKS m.s. 109)

Tun Muhammad bin Tun Ahmad Paduka Raja

Apakah nama gelaran beliau?

- A Raja Ali Haji
B Tun Hisap Misai
C Tun Seri Lanang
D Bukhari al-Jauhari

- 29 Kesultanan Johor Riau diiktiraf sebagai pusat persuratan Alam Melayu. (BUKU TEKS m.s. 109)

Kesultanan tersebut berlangsung dari abad _____.

- A Ke-15 hingga abad ke-16
B Ke-16 hingga abad ke-17
C Ke-17 hingga abad ke-18
D Ke-18 hingga abad ke-19

- 30 Apakah hasil karya tokoh berikut semasa kegemilangan Kesultanan Johor Riau? (BUKU TEKS m.s. 109)

Raja Ahmad

- A *Syair Ungku Puteri*
B *Hikayat Anak Panah Sedasa*
C *Salasilah Melayu dan Bugis*
D *Gurindam Dua Belas*